Politeknik Melaka aplikasi kecekapan pelajar bantu bina rumah warga emas terbakar

NURUL-FATEHA MD SANDOLLAH, POLITEKNIK MELAKA Isnin | 11 Mac 2019

MELAKA - Pelajar Politeknik Melaka dengan kerjasama beberapa institusi TVET telah diberi peluang untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di kampus untuk membantu membina rumah warga emas, Md Yasin Sulaiman, 76 dan isteri, Alimah Md Idris, 72 bersama-sama anak perempuan yang kurang upaya di Duyong Melaka.

Rumah warga emas tersebut telah musnah terbakar kerana berlakunya litar pintas pada hujung tahun lalu.

Kediaman yang dilanda bencana.

Dengan rasa tanggungjawab, Politeknik Melaka telah mengetuai beberapa institusi TVET mengambil inisiatif bekerjasama dengan pemaju perumahan IBS iaitu Sanc Group sebagai pembiaya utama untuk membina semula rumah tersebut.

Politeknik Melaka yang merupakan Pusat Teknologi (Centre of Technology) dalam bidang Kejuruteraan Awam (Industrialized Building System) berperanan sebagai pusat yang mana ilmu pengetahuandan juga teknologi dalam bidang tujahan diaplikasi melalui pemberian perkhidmatan kepakaran, pelaksanaan penyelidikan dan inovasi serta peningkatan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran.

Sesi mendengar taklimat.

Menurut pensyarah Kejuruteraan Awam Politeknik Melaka, Anuar Nordin, yang telah menjadi rakan kolaborasi Sanc Group menggunakan peluang ini untuk memberikan pendedahan pembelajaran secara *hands-on* berasaskan tempat kerja sebenar kepada para pelajar.

Projek pembinaan Rumah Bantuan ini juga turut disertai oleh beberapa institusi TVET yang lain seperti Politeknik Merlimau, ILP Bukit Katil dan Kolej Vokasional Port Dickson, Kolej Vokasional Melaka Tengah, Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin, Jasin dan Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Alor Gajah.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh para pelajar adalah *concreting*, pemasangan kerangka keluli, kerangka bumbung, blok konkrit ringan, skim *coat*, pempaipan dan kerja-kerja elektrik.

Menurut beliau lagi, pendekatan yang digunakan adalah menggunakan sistem IBS yang merangkumi kerangka keluli, kerangka bumbung aluminium dan blok konkrit ringan.

Pemasangan 'steel framing'.

Pembinaan rumah bantuan ini berkeluasan 5.4m x 16.8m telah berlangsung bermula Disember 2018 dan dijangkakan akan diserahkan pada bulan Mac 2019.

Kerjasama ini bakal memberikan nilai kepercayaan yang tinggi oleh industri yang lain bagi menjadikan Politeknik Melaka sebagai salah satu institusi pilihan rujukan mereka kelak.

'Blockwork'

Selain itu, program GETS (*Graduate Employability Training Scheme*) anjuran MARA yang telah dilaksanakan bersama Sanc Group memberi peluang kepada graduan TVET Politeknik Melaka dan Kolej Vokasional untuk menceburkan diri dalam aktiviti Rumah Bantuan ini.

Graduan dapat melaksanakan latihan teknikal seperti merekabentuk, *costing*, perancangan dan penyeliaan dalam pembinaan rumah bantuan ini.

Pihak CIDB dan ABM merupakan agensi yang bertanggungjawab memberi pentauliahan Sijil Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK) terhadap kerja-kerja teknikal yang dilaksanakan.

Program ini seterusnya diharapkan dapat membuka peluang pekerjaan dan latihan keusahawanan kepada graduan tersebut.

Source:https://kampusuols.com/article/427858/Uni-Kita/AKTIVITI-KAMPUS/Politeknik-Melaka-aplikasi-kecekapan-pelajar-bantu-bina-rumah-warga-emas-terbakar